

Putrajaya HARIAN METRO - 26/09/18 - M915
SETENGAH

JANM sahkan kenyataan Guan Eng

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) mengesahkan kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang diselenggarakan pihaknya pada 30 April 2018 dan 31 Disember 2017 searas dengan kenyataan dibuat Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Akauntan Negara Datuk Saat Esa berkata, pihaknya juga mengesahkan bahawa baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2017 adalah RM11.86 bilion dan baki pada 30 April 2018 pula adalah RM450 juta.

"Kami juga ingin sahkan bahawa Kerajaan Persekutuan hanya boleh menggunakan Akaun Hasil Disatukan bagi menampung perbelanjaan mengurus," katanya dalam kenyataan di

sini, semalam.

Saat berkata, Kerajaan Persekutuan juga perlu membelanjakan lebih daripada RM8 bilion sebulan bagi emolumen dan faedah persaraan.

Sebelum ini, Guan Eng mendedahkan Akaun Hasil Disatukan merosot kepada RM450 juta pada 30 April 2018 berbanding RM11.86 bilion pada 31 Disember 2017 berikutan perbelanjaan berlebihan untuk tempoh antara Januari hingga April lalu.

Menurut Guan Eng, kemerosotan baki akaun itu jelas adalah 'perbelanjaan pilihan raya umum' yang digunakan untuk cuba membantu Barisan Nasional (BN) memenangi Pilihanraya Umum ke-14 (PRU14).

a
c
a
n
d